

Headline	UUM juara keseluruhan Kejohanan Golf IPT 2015		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	11 May 2015	Language	Malay
Circulation	29,826	Readership	97,836
Section	Sukan	Color	Black/white
Page No	12	ArticleSize	98 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 202	PR Value	RM 606



## UUM juara keseluruhan Kejohanan Golf IPT 2015

KUALA LANGAT: Universiti Utara Malaysia (UUM) muncul juara keseluruhan Kejohanan Golf IPT 2015 di Amverton Cove Golf & Island Resort, Pulau Carey dekat sini, yang berakhir pada Ahad.

Pada kejohanan selama tiga hari bermula Jumaat lepas itu, UUM merangkul beberapa kategori yang dipertandingkan, antaranya juara Individu Lelaki menerusi Muhammad Afif Muhd Razif dan Hillferah Tan dalam kategori Individu Wanita.

UUM juga muncul juara kategori Berpasukan Lelaki dan Berpasukan Wanita dalam kejohanan itu yang sebelum ini dikenali sebagai Kejohanan Golf IPT Piala Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Hadiah disampaikan Naib Canselor UUM Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan Datuk Nasir Mat Dam.

Sementara itu, Mohamed Mustafa dalam ucapannya berkata kejohanan yang masuk edisi kelima itu, disertai kira-kira 80 penuntut pelbagai universiti awam dan swasta di negara ini.

"Kejohanan ini juga platform terbaik bagi UUM dan Kementerian Pendidikan untuk mencari pemain amatir mewakili negara ke Kejohanan Universiti Dunia yang akan berlangsung di Gwanju, Korea Selatan dari 3 hingga 14 Julai ini," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata Pusat Kecemerlangan Sukan Golf KPM di UUM telah melahirkan 10 pemain golf profesional sejak ia dilancarkan pada 2011. - Bernama